

Siri Kenali Diri Kuasai Dunia

KOMUNIKASI WARNA

SERLAHKAN KUASA KEPIMPINAN DAN
KOMUNIKASI DENGAN *COLORED BRAIN*



1

JOHAN IRWAN KAMARUZAMAN

Kandungan dan kata pengantar oleh *ARTHUR F. CARMAZZI*



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA




Siri Kenali Diri Kuasai Dunia

KOMUNIKASI WARNA

SERLAHKAN KUASA KEPIMPINAN DAN
KOMUNIKASI DENGAN *COLORED BRAIN*

To Tun Siti Hasmah,



PUSTAKA PERDANA



1012116



SOHAN IRWAN KAMARUZAMAN

Andun dan karyanya pengantar oleh **ARTHUR F. CARMAZZI**

Apa kata mereka?

"Setakat saya tahu, tuan Johan merupakan kepercayaan Arthur Carmazzi yang merupakan pengasas kepada Colored Brain untuk dikembangkan di Malaysia. Pengiktirafan pencipta sudah cukup menggambarkan siapa beliau"

Ustaz Aidil Azwal Zainuddin, CEO, Olive House

"Untuk mencapai kejayaan dalam bisnes, perkara yang paling penting ialah mengenalpasti keperluan pelanggan, serta kemampuan kita memberikan khidmat yang terbaik. Dengan memahami cara mereka berfikir, serta cara tindakan mereka, itulah yang akan membantu kita memimpin teman sekerja serta kakitangan untuk memberikan yang terbaik. Pencapaian Johan Irwan dalam menggunakan Colored Brain untuk melatih para pemimpin organisasi serta kakitangan mereka menjadikan buku ini panduan untuk menyelesaikan kemelut kepimpinan, komunikasi serta meningkatkan kemampuan bisnes."

Syahir Fadzilah, Headmaster, Khalifah Development Centre

"Johan merupakan seorang pengajar yang amat mendalam ilmu Colored Brain dan selalu memastikan semua orang memahami dengan pencerapan yang diberikan. Dia sering bertanyakan soalan untuk memastikan data yang diperolehi adalah tepat. Saya kagum dengan kegigihan beliau untuk memastikan peserta pulang dengan ilmu yang berguna."

Bavani Periasamy, Presiden, Malaysian Association of Professional Speakers

"Kehebatan ciptaan Tuhan - otak manusia telah digambarkan melalui kaedah Colored Brain Communication yang membolehkan komunikasi berlaku dengan lebih berkesan. Kursus yang dikendalikan oleh Encik Johan telah berjaya memperkenalkan kaedah ini untuk diamalkan oleh staf UTeM di semua tahap perjawatan. Tahniah En.Johan"

Mohd Farid Mohd Khalid, Pegawai Latihan UTeM

"Terdapat banyak kaedah profiling di pasaran. Namun saya mendapati Colored Brain adalah antara kaedah termudah untuk difahami dan digunakan. Apa yang lebih membantu adalah penjelasan saudara Johan yang memberi pengertian yang menyeluruh. Teknik pengajaran beliau sangat interaktif dan memupuk penglibatan peserta."

*Jegatheeswaran Manoharan
Pegarah, Accordia Training & Development Sdn. Bhd.*

"Selepas menghadiri kursus Colored Brain yang dijalankan oleh Johan, saya dapati segalanya berkaitan dengan pemilihan staff adalah sebenarnya sangat mudah. Saya aplikasikan segala yang diajar oleh Johan dalam sesi interview dan staff yang ada saya amati semua melalui Color Brain dan meletakkan mereka di kapasiti mereka yang sebenar. Kerja dan komunikasi antara kami lebih mudah dan lebih jelas selepas itu."

Fizlee Hafiz, Pengasas KakP The Pisang Cheese

"This is a powerful read! I don't remember the last time I read something as good as this. Johan make me think deep about what Colored Brain is all about. Through this book, I can actually feel his passion on empowering people. Kudos Johan!"

Akram Zulkifli, CMO Jejaran Asas



"I have known Johan for almost 8 years now and have found him to be a highly passionate and dedicated professional. He is a keen practitioner of The Directive Communication Psychology and has been very focused on deepening his understanding, utility and situational application of the methodology. Therefore, I would confidently validate that he is an expert in DC methodology and has the appropriate credentials to author the necessary extension of its practical use in the real-world.

Ray Phoon

Author, Sales Psychologist & International Leadership Coach

"Johan is very passionate about leadership. He is very focus and perseverance on learning and sharing his knowledge. I remember he told me he wants to change this world to a better place through leadership knowledge. Knowing Colored Brain brings me to the next level. I know how to communicate confidently and engage with others very well. It also helps in influencing especially during a presentation."

Syazly Sharkawi,

Marketing Manager, Hypp TV

"I have attended one of Johan's training on Colored Brain and I really appreciate how the Colored Brain concept can be related to my project management best practise and methodology, where communication and leadership play 90% of the important roles in increasing the success of achieving project objective. I can grasp the concept on how certain stakeholders think and what are their emotional drive in order for us to influence them to support our projects. I truly believe that this book will be an eye opener for project managers out there to truly understand the concept of leadership from Colored Brain perspective."

Rosli Bakri, PMP, PRINCE2,

Project Management Consultant, PM Advance Sdn Bhd

"Johan Irwan terkenal sebagai salah seorang Jurulatih dalam Subjek Kepimpinan yang telah banyak membantu Syarikat Korporat tentang cara meningkatkan kecekapan dan kemahiran mereka dalam menajamkan skil kepimpinan dan komunikasi menerusi pelbagai program latihan. Saya percaya semua orang harus mengambil kesempatan untuk membaca buku ini dan melihat bagaimana Johan mendedahkan penjelasannya tentang bagaimana kita dpt memahami cara & proses otak kita berfikir."

Coach Elle Filani, Colored Brain Psychologist

Sebagai seorang leader, kita kena 'suka' dan perlu ada skil utk menguruskan manusia. Kadang dengan common sense sahaja tak memadai. Ilmu Colored Brain ni sgt baik utk leader-leader diluar sana utk memahami diri sendiri dan juga subordinate mereka. Tak terhad disitu, ilmu ini bila diterapkan dgn baik, kita dpt mengembangkan pula potensi bakat yg ada pada seseorg itu dgn memahami punca aktiviti dan cara seseorang itu membuat keputusan. Saya sangat galakkan semua leader utk mengamal dan menerapkan juga ilmu ini kepada subordinate mereka."

Lydiawati Jominin,

Principal Consultant, Smart Franchise Partner Sdn. Bhd.

Diterbitkan oleh:

Leap Leadership Academy Sdn. Bhd.

BP-1-18, Block B, Jalan BPD 1,
D'Alpinia Business Park,
47100 Puchong Selangor

Website: www.leap.com.my

Email: info@leap.com.my

Rujukan: www.coloredbrain.com

Cetakan pertama Januari 2019

Cetakan kedua Mac 2019

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Johan Irwan Kamarozaman

KOMUNIKASI WARNA / JOHAN IRWAN KAMARUZAMAN.

(Siri Kenali Diri Kuasai Dunia)

ISBN 978-967-16775-0-6

1. Self-actualization (Psychology).
 2. Achievement motivation.
 3. Leadership
- I. Judul. II Siri
158.1

© 2018 Johan Irwan Bin Kamarozaman dengan kebenaran dari **Arthur F. Carmazzi**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan isi kandungan dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai untuk semua individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk setiap keputusan yang diambil. Segala nasihat, cadangan dan idea adalah sebagai panduan asas dan nasihat profesional mungkin diperlukan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalamnya, bagi kedua-dua penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa jua liabiliti, kerugian atau risiko, peribadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat secara langsung atau tidak langsung daripada penggunaan dan aplikasi daripada kandungan buku ini.

DAFTAR KANDUNGAN

Kata Pengantar (Foreword)	vii
Prakata	viii
BAHAGIAN 1:	
MANUSIA ITU BERBEZA	1
<i>Mengapa Saya Mengkaji Colored Brain?</i>	5
<i>Genius</i>	7
Label-Melabel	9
<i>Kesan Pygmalion</i>	10
Reticular Activating System (RAS)	13
<i>Konsep Niat</i>	16
Encoded Assumption (Andaian)	17
<i>Eksperimen Monyet Dalam Sangkar</i>	19
<i>Apabila Encoded Assumption Menjadi Budaya</i>	21
<i>Apabila Andaian Melangkaui Budaya</i>	23
Bulatan Toleransi	24
BAHAGIAN 2:	
MODEL COLORED BRAIN	26
Model Otak Manusia	27
<i>Fungsi Otak Manusia</i>	28
<i>Model Sperry</i>	29
<i>Model Mac Lean</i>	33
Model Colored Brain	36
<i>Sindrom Kaca Mata Berwarna</i>	37
<i>Metafora PC dan Mac</i>	38
<i>Komposisi Otak</i>	39
<i>Empat Jenis Otak</i>	41

Green Brain	42
Red Brain	47
Blue Brain	52
Purple Brain	57
Apakah Colored Brain anda?	62
Bekerja dengan Pelbagai Warna	63
Perspektif Yang Berbeza	64
Komunikasi Pelbagai Warna	66

BAHAGIAN 3:

APLIKASI COLORED BRAIN

Aplikasi 1: Mengenal Potensi Diri	74
<i>Kelebihan dan Kelemahan Semulajadi</i>	77
Aplikasi 2: Menguruskan Pasukan	80
<i>Kajian kes: Menubuhkan Pasukan Audit</i>	81
Aplikasi 3: Kepimpinan	83
<i>Mengenal Diri</i>	83
<i>Mengenal Orang Disekeliling</i>	84
<i>Mencipta Budaya</i>	84
<i>Lensa Kepimpinan</i>	85
<i>Steve Jobs Dengan Perinciannya</i>	85
<i>Malaysia Mempunyai Asas Biru</i>	86
<i>Wawasan Tercetus Daripada Red Brain</i>	87
<i>Blue Brain Dengan Pembangunan Insaniah</i>	88
<i>Ucapan Berkarisma Daripada Seorang Green Brain</i>	89
<i>Warna Terbaik Untuk Jadi Pemimpin</i>	90
Aplikasi 4: Keusahawanan	91
<i>Nasihat Yang Bercanggah</i>	92
<i>Richard Branson Yang Tidak Merancang</i>	94
<i>Tony Fernandes Segalanya Berkenaan Manusia</i>	94

<i>Bill Gates Yang Berwawasan</i>	96
<i>Michael Dell Membangunkan Sistem</i>	97
<i>Usahawan Hebat Menggunakan Kekuatan</i>	97
Aplikasi 5: Jualan	98
<i>Kunci Jualan Adalah Mengenali Pelanggan</i>	100
Aplikasi 6 : Pendidikan dan Pembelajaran	103
<i>Teknik Pembelajaran Terbaik Tidak Bersifat Universal</i>	104
<i>Pembelajaran Tidak Hanya Berlaku Di Kelas</i>	106
<i>Pembelajaran Dewasa (Adult Learning)</i>	108
Aplikasi 7 : Perhubungan	110
<i>Menangani Konflik Perbezaan Pandangan</i>	110
<i>Kunci Perhubungan Adalah Dengan Mengenali Pasangan</i>	114
<i>Jangan Membandingkan Anak-Anak Kita</i>	115
Aplikasi 8: Pengurusan Masa	117
<i>Persepsi Green Brain Terhadap Masa</i>	118
<i>Persepsi Red Brain Terhadap Masa</i>	120
<i>Persepsi Blue Brain Terhadap Masa</i>	121
<i>Persepsi Purple Brain Terhadap Masa</i>	123
<i>Pengurusan Masa Berpasukan</i>	126
<i>Mengambil Kira Dengan Siapa Kita Menguruskan Masa</i>	127
<i>Sediakan Payung Sebelum Hujan</i>	128
Kajian Kes: Pembangunan Perniagaan Seorang Usahawan	129
Kajian Kes: Rahsia Jualan Seorang Jurugambar	134
Penutup	139
Bibliografi	142
Biodata Penulis	144

Kata Pengantar (Foreword)

Of all the Directive Communication (DC) certified consultants, Johan is one of the most passionate and competent Colored Brain masters. He has taken the Colored Brain research and training, and applied it impressively across the Malay community to develop Leaders, Brilliant Communicators, and Happier people.

From the beginning of Johan's journey in learning and applying DC Psychology and the Colored Brain, he has been relentless in identifying the specific issues of the Malay community and Business climate and using DC to solve problems.

This book takes not only his learnings in DC Psychology and Colored Brain, but his vast experience and passion in improving the personal competence, relationships, learning, entrepreneurship, and even time management.

As you read this book, listen the experience behind the text, and reflect on your own life. You will find that there are multiple applications to life and business for each... enjoy!

Arthur F. Carmazzi

Founder of Directive Communication International and Colored Brain Methodology

Ranked at Top 10 Global Leadership Guru and Organizational Culture based on Gurus International

Prakata

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana sentiasa memberikan nikmat dan peluang bagi saya untuk meneruskan kehidupan. Dengan izinnya, maka terbitlah buku Komunikasi Warna - buku yang saya ilhamkan hampir lima tahun sudah dalam menulisnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga saya yang sentiasa menyokong perjuangan saya. Isteri Puan Norjuita Mohamad Akhir Zaman yang sentiasa memahami kerjaya saya dan berkorban bersama anak-anak Muhammad Hafyzul Izzwan, Nur Alya Mysara dan Muhammad Hazym Ayman. Sokongan mereka amat bermakna buat saya.

Terima kasih kepada ibu bapa saya Encik Kamarozaman Mahfar dan Puan Tirtakemala Sari Alamshah kerana membesarkan saya dalam keadaan serba mencukupi dari segi ilmu dan kasih sayang. Semoga Allah jua membalas jasa mereka.

Buku ini ditulis setelah enam tahun saya mendapat pentauliahan Directive Communication - Colored Brain Communication dan beratus workshop dan ceramah yang saya anjurkan dengan peserta dari pelbagai latar belakang. Bagi saya ini adalah peluang untuk saya berkongsi lebih lanjut kepada mereka yang mungkin belum berpeluang untuk mempelajari dan bagi mereka yang ingin mendapatkan rujukan lanjut tentang ilmu Colored Brain.


Saya juga ingin merakam ucapan terima kasih saya kepada guru kepimpinan saya Arthur F. Carmazzi yang juga merupakan pengasas Colored Brain. Beliau banyak memberi saya tunjuk ajar dan sokongan dalam kerjaya saya sebagai penceramah profesional. Juga Lily Lau master trainer di Malaysia serta kesemua keluarga Directive Communication yang menyokong kerjaya saya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khas kepada Peter Kidd kerana menyokong saya pada awal perjalanan ini. Tanpa bantuan beliau, tidak mungkin saya mampu melanjutkan pembelajaran ilmu ini.

Juga kepada warga kerja Leap Leadership Academy, rakan-rakan terutama keluarga bisnes dari platform BNI Solusi, Malaysian Association of Professional Speakers (MAPS) dan program Money and You™ atas usaha membantu melonjakkan kerjaya saya, memberi tunjuk ajar dan menghubungkan saya kepada rami insan-insan yang hebat. Terlalu banyak nama yang perlu saya rakamkan di sini.

Kepada peserta workshop dan seminar yang pernah saya anjurkan, di dalam dan luar negara, serta pembaca buku ini, semoga ilmu yang disampaikan memberikan manfaat dan usaha yang kecil ini membantu dalam menjadikan kita hamba yang lebih baik untuk berbakti di muka bumi ini. Inshaallah.

Johan Irwan Kamarozaman

BAHAGIAN 1: MANUSIA ITU BERBEZA



“Puan Zailina mengamuk lagi!” Itu yang diungkapkan oleh salah seorang sahabat saya yang sudah penat melayan karenah Puan Zailina. Nama Puan Zailina sudah beberapa kali kedengaran dalam pejabat kami. Setiap kali apabila mendengar nama beliau, saya sering mendengar rungutan rakan sepejabat saya tentang betapa sukarnya untuk berurusan dengan Puan Zailina. Beliau merupakan salah seorang daripada pelanggan syarikat kami dan apa yang saya tahu, beliau adalah seorang yang sangat ‘demanding’ dan seringkali suka mendesak untuk mendapatkan apa yang beliau mahukan.

Satu hari, kes Puan Zailina ini sudahpun dibawa ke pengetahuan pihak pengurusan. Kebetulan saya berada dalam bilik pengurus pada ketika itu, dan pengurus meminta saya untuk melihat apa yang berlaku dan cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut. Seram sejuk seketika kerana apa yang saya dengar sebelum ini daripada sahabat saya, beliau sangat garang dan selalu suka mendesak untuk mendapatkan apa yang beliau mahukan. Namun apabila arahan sudah dikeluarkan, saya pun patuh dengan arahan tersebut.

Saya mula dengan buat panggilan kepada beliau, dan cuba untuk bertanya kepada beliau apa sebenarnya masalah beliau dan bagaimana boleh saya bantu? Sambil jantung berdegup ketika menekan papan kekunci di telefon bimbit saya, selepas tiga deringan, Puan Zailina menyambut panggilan saya.

“Hello, boleh saya bercakap dengan Puan Zailina?”

“Puan Zailina bercakap.”

“Saya Johan daripada syarikat XXX Sdn. Bhd. Saya ada mendapat tahu bahawa Puan ada sedikit masalah dengan perkhidmatan kami. Boleh saya tahu apa yang berlaku dan bagaimana boleh saya bantu puan?”

Puan Zailina pada mulanya agak keras, tetapi apabila saya cuba memahami perasaan beliau, beliau menjadi lebih terbuka dengan saya. Saya berulang kali memohon maaf atas pihak syarikat atas situasi yang tidak menyenangkan beliau. Rupa-rupanya terdapat sedikit kelewatan dari segi bayaran balik ke atas tuntutan beliau. Dan setelah memahami situasi beliau serba sedikit dan memohon maaf, saya menerangkan prosedur syarikat dan beliau pula memohon maaf dan mengucapkan terima kasih kepada saya.

Selepas daripada itu, saya dan Puan Zailina pula bersahabat baik. Setiap kali beliau hadir ke pejabat, beliau mencari saya dan suka untuk bersembang dengan saya. Saya pun agak hairan, bagaimana sahabat saya tadi boleh mengatakan sangat sukar untuk berurusan dengan Puan Zailina sedangkan apabila saya berhubung dengan beliau tiada apa masalah dan kami boleh bekerjasama dengan baik.

Beberapa tahun selepas daripada itu saya mula teringat kembali situasi tersebut. Dan kini saya faham, Puan Zailina merupakan seorang apa yang saya gelar *Blue Brain*. Setelah saya membina sedikit perhubungan dalam peringkat peribadi dan cuba memahami perasaan beliau, atau dalam erti kata lain memberikan empati, beliau senang berurusan dengan saya sehingga kami menjadi sahabat baik, tidak seperti apa yang digambarkan oleh sahabat saya yang lain.

Apa itu Blue Brain? Itulah apa yang ingin saya kongsi dengan anda dalam buku ini. Ilmu *Colored Brain* adalah satu ilmu yang telah banyak membantu saya dan ramai orang, bukan sekadar untuk mengenali diri, malah mengenali perwatakan manusia. Setelah mempelajari ilmu ini dan mengaplikasikannya, saya telah berjaya membantu ramai orang dalam memperbaiki perhubungan dengan rakan kerja, pelanggan, pasangan suami isteri dan juga membantu dalam bidang jualan.

Malah salah seorang daripada peserta program yang kami anjurkan memberitahu saya yang ilmu ini telah berjaya membantu beliau menyelamatkan perkahwinan mereka yang hampir retak. Ada juga yang menyampaikan kepada saya oleh kerana beliau memahami *Colored Brain* salah seorang pelanggan beliau, sebuah projek yang sepatutnya sudah ditolak oleh pegawai semasa pembentangan perniagaan, beliau memohon untuk membuat semula pembentangan berdasarkan *Colored Brain* pegawai tersebut dan beliau telah berjaya mendapatkan semula projek tersebut yang mana nilainya mencecah puluhan ribu ringgit.

Malah ada juga peserta program saya yang memberitahu sebelum program seringkali bertengkar dengan bos beliau, akhirnya membuat perhubungan yang

baik dan mendapat kenaikan pangkat disebabkan keserasian kerja dengan bos beliau.

Ini antara beberapa manfaat yang peserta saya kongsi, tetapi bagi saya, ilmu Colored Brain telah membantu saya mengenal diri saya dan membolehkan saya membuat keputusan untuk menukar kerjaya dengan melakukan sesuatu berdasarkan kesesuaian saya, apa yang saya minat sebenarnya dan menggunakan kekuatan saya secara semulajadi dan mengagihkan kelemahan yang ada. Ramai orang yang saya kenali mengalami tekanan dalam kerjaya, bukan kerana mereka terlalu kuat bekerja, tetapi mereka bekerja dalam kerjaya yang tidak sesuai dengan diri mereka.

Menurut kajian daripada World Health Organization, tekanan kerja telah menyebabkan syarikat korporat di Amerika Syarikat membelanjakan hampir USD300 Billion setahun. Ini satu nilai yang sangat besar dan salah satu puncanya saya percaya adalah kerana kita memilih kerjaya yang tidak serasi dengan diri kita.

Mengapa Saya Mengkaji Colored Brain?

Pada tahun 2011, saya merupakan penganjur untuk salah satu program kepimpinan. Program yang menelan belanja hampir setengah juta itu bertujuan untuk memperkenalkan ilmu kepimpinan kepada salah sebuah syarikat korporat dalam membantu meningkatkan kompetensi sebelum mereka diberi kenaikan pangkat ke peringkat pengurusan pertengahan.

Pasukan kami mencari beberapa universiti untuk kami berkolaborasi untuk memberikan ilmu kepimpinan yang terbaik, dan kami mencari universiti tempatan

dan luar negara yang mempunyai ranking yang tinggi untuk memastikan kualiti pembelajaran. Setelah program berlangsung selama beberapa minggu, saya agak kecewa kerana saya sendiri merasakan yang saya tidak mempelajari banyak tentang ilmu kepimpinan. Bukan itu sahaja, saya sebagai salah seorang penganjur pula 'ditembak' oleh pelanggan kami kerana barisan penceramah yang kami sediakan tidak menepati standard kualiti yang mereka harapkan.

Saya mula bertanya kepada diri saya, apa sebenarnya kepimpinan dan bagaimana seseorang itu boleh menjadi seorang pemimpin yang baik? Disitulah bermulanya minat saya untuk mengkaji lebih mendalam ilmu 'leadership'. Dan hasil kajian saya, saya membuat banyak pembacaan terutama daripada 'leadership guru' seperti John C. Maxwell dan Robin Sharma. Dan saya menjumpai salah seorang leadership guru yang merupakan salah seorang daripada 10 leadership guru terbaik, Arthur F. Carmazzi. Pada tahun 2012, saya membuat keputusan untuk berguru dengan beliau untuk memdalam ilmu kepimpinan.

Semasa saya diundang untuk menjalani program pentauliah Directive Communication Trainer Certification oleh Arthur Carmazzi, saya merasakan seolah-olah satu babak dalam cerita The Matrix di mana Neo diberi dua pil, biru dan merah oleh Morpheus. Sekiranya saya memakan warna biru, saya akan kembali ke kehidupan sedia kala. Dan sekiranya saya mengambil pil berwarna merah, saya akan melihat sesuatu yang tidak pernah saya lihat. Begitulah pengalaman yang saya lalui setelah menghadiri sesi pentauliah yang dijalankan di Bali pada ketika itu.

Salah satu ilmu yang dikongsikan kepada saya adalah Colored Brain Communication, salah satu modul daripada Directive Communication Methodology yang mana bagi saya asas yang perlu ada untuk seseorang itu memimpin dengan baik. Kerana seorang pemimpin yang baik adalah seseorang yang mengenal manusia dengan baik. Manusia juga merupakan satu makhluk yang sukar untuk kita fahami. Colored Brain mengupas perspektif manusia dalam satu aspek, iaitu bagaimana manusia memproses maklumat. Ini merupakan proses mereka membuat keputusan dan bagaimana mereka bertindak.

Genius

*“Everybody is a Genius. But If You Judge a Fish
by Its Ability to Climb a Tree, It Will Live Its Whole Life
Believing that It is Stupid.”*

— Albert Einstein

Setiap daripada kita adalah genius. Tiada seorang pun yang dilahirkan dalam dunia ini tidak mempunyai elemen genius. Cuma sepertimana kata Albert Einstein, sekiranya kita menghukum seekor ikan itu bodoh hanya kerana dia tidak pandai memanjat pokok, dan ikan tersebut mempercayainya, maka ikan tersebut akan memikirkan beliau adalah bodoh seumur hidupnya.

Dalam kerjaya saya, ramai orang yang datang kepada saya untuk meminta khidmat nasihat berbentuk ‘coaching’. Dalam sesi ‘coaching’ saya, saya banyak bertanyakan soalan. Dan soalan-soalan ini biasanya merungkai banyak perkara tentang seseorang. Satu perkara yang saya sering perhatikan adalah faktor

Cabaran kepimpinan pada abad ke-21 adalah dalam mengharungi dunia VUCA; dunia yang serba tidak menentu. Dalam kajian yang dijalankan oleh AON Hewit antara salah satu punca kenapa syarikat yang digelar Top Companies for Leaders berjaya mengharungi dunia VUCA adalah kerana mereka mempunyai pemimpin yang mengenali diri. Mengenali diri adalah salah satu perkara penting untuk menjadi pemimpin yang berkesan.

Buku ini mengupas kaedah Colored Brain dalam mengenali karakter individu dan aplikasi dalam berkomunikasi dengan individu pelbagai warna. Dengan kajian Ambiguity Relief yang dijalankan oleh pengasas Colored Brain, Arthur F. Carmazzi, ia memberikan satu rangka kerja mudah bagaimana Colored Brain dapat digunakan untuk merungkai permasalahan yang sering berlaku dalam berkomunikasi.

Terdapat pelbagai aplikasi dari kepimpinan, keusahawanan dan perhubungan. Buku ini sarat dengan teknik dan penceritaan untuk pemahaman yang lebih baik oleh pembaca. Semoga buku ini dapat membantu anda untuk berkomunikasi dan menjadi khalifah yang lebih cemerlang, Inshaallah.

www.komunikasiwarna.com

Harga: RM36.90

ISBN 978-967-16775-0-6



LEAP
leadership academy

Diterbitkan oleh:

Leap Leadership Academy Sdn. Bhd.
www.leap.com.my
info@leap.com.my